



DASAR DAN GARIS PANDUAN ADVANCED COMPETENCY PROGRAMME KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

- 1.1 Dasar dan Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan *Advanced Competency Programme (ACP)* bagi Pakar dan Pegawai *Subject Matter Expert (SME)* di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seiring dengan hasrat KKM untuk meningkatkan mutu kepakaran sedia ada dan sebagai salah satu usaha menggalakkan Pakar Perubatan supaya terus berkhidmat dengan Kerajaan, konsep cuti sabatikal telah dicadangkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah ketika beliau menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) pada 17 Januari 2011. Konsep ini dicadangkan bertujuan untuk memberi peluang kepada Pakar Perubatan sedia ada menjalani latihan lanjutan yang melibatkan prosedur yang lebih kompleks selari dengan perkembangan kemajuan teknologi perubatan dan kaedah rawatan terkini.
- 2.2 Susulan daripada itu, kertas cadangan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P) pada 11 Februari 2012. Selaras dengan keputusan MBK P&P pada 3 April 2015, pelaksanaan ACP telah dipersetujui sebagai alternatif kepada cadangan pewujudan cuti sabatikal untuk Pakar Perubatan.
- 2.3 Di peringkat KKM, kertas cadangan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) Bil. 2 / 2016 pada 13 Julai 2016.

3. **ADVANCED COMPETENCY PROGRAMME KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

3.1. **OBJEKTIF**

3.1.1 ACP merupakan program yang disasarkan kepada Pakar dan Pegawai SME yang berkhidmat di KKM dengan objektif untuk:

- (i) memberi peluang kepada Pakar/Pegawai SME memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran terkini dalam penyampaian perkhidmatan kepakaran perubatan yang terbaik;
- (ii) menggalakkan penerokaan dalam bidang-bidang baru yang memberi nilai tambah dalam perkembangan teknologi dan sistem perubatan; dan
- (iii) sebagai satu mekanisme untuk mengekalkan Pakar/Pegawai SME supaya terus berkhidmat di KKM.

3.2. **DEFINISI**

3.2.1. Dalam Dasar dan Garis Panduan ini:

“**Jawatankuasa Latihan KKM**” bermaksud Jawatankuasa yang ditubuhkan pada tahun 2005 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) untuk menyokong fungsi Panel Pembangunan Sumber Manusia dalam melihat perkembangan latihan anggota KKM.

“**Ketua Jabatan**” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan;

“**Ketua Perkhidmatan**” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan;

“**Ketua Program**” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu Program di KKM;

“**Pakar**” bermaksud pegawai perubatan/pegawai pergigian yang telah dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan, dengan nasihat tiga orang pegawai pakar yang dipilih olehnya atau oleh sebuah Jawatankuasa Khas Perubatan yang ditubuhkan oleh Kerajaan sebagai pegawai pakar dan telah disiarkan dalam Warta Kerajaan;

“**Pegawai Pengawal**” bermaksud seseorang Pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran, bagi mengawal, tertakluk kepada sebarang arahan yang ditujukan oleh pihak penguat kuasa kewangan, perbelanjaan yang dikuatkuasakan di bawah tujuan itu, dan termasuk semua tanggungjawab Pegawai Perakaunan;

“**Pegawai *Subject Matter Expert (SME)***” bermaksud pegawai yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi serta pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang khusus sebagai kepakaran khusus individu yang boleh dijadikan sumber rujukan kepada pegawai dari dalam/luar organisasinya serta diiktiraf kepakarannya oleh Ketua Program dan Ketua Perkhidmatan; dan

“**Program**” bermaksud bidang yang telah diiktiraf oleh KKM dan ianya merangkumi Program Perubatan, Program Kesihatan Awam, Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal, Program Kesihatan Pergigian, Program Farmasi, dan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan.

3.3. KAEDAH PELAKSANAAN ACP

3.3.1. Pegawai akan menjalani salah satu atau kombinasi daripada aktiviti berikut:

- (i) menghadiri latihan sangkutan di Universiti/Hospital/Institusi/Agensi untuk meningkatkan kemahiran;
- (ii) latihan jangka pendek untuk meningkatkan kemahiran dengan teknologi baru dalam bidang kepakaran; dan

- (iii) melakukan kajian/projek/lawatan saintifik yang berkaitan dengan bidang pengkhususan/kepakaran (*area of interest*)*.

* Sebarang penerimaan dana kajian (*research grant*) daripada pihak selain daripada KKM adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal dan peraturan kewangan semasa yang berkuatkuasa.

3.4 TEMPOH

- 3.4.1 ACP ini dilaksanakan bagi tempoh 1 hingga 3 bulan di bawah Latihan Dalam Perkhidmatan Jangka Pendek.

3.5 TEMPAT/LOKASI LATIHAN

- 3.5.1 ACP boleh dilaksanakan di dalam atau luar negara tertakluk kepada kemampuan kewangan dan kelulusan Pegawai Pengawal yang sedang berkuatkuasa.

3.6 PERUNTUKAN

- 3.6.1 ACP ini akan menggunakan peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan di bawah Peruntukan Pembangunan RMK-11.

3.7 KELAYAKAN DAN SYARAT**

- 3.7.1 Semua Pakar atau Pegawai SME yang dilantik secara tetap adalah layak untuk memohon mengikuti ACP sekiranya telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) warganegara Malaysia berjawatan tetap;
- (ii) memperoleh markah LNPT melebihi 85% untuk tiga (3) tahun penilaian berturut-turut. Penilaian setahun LNPT adalah genap 12 bulan;
- (iii) bebas daripada sebarang tindakan tatatertib;
- (iv) mempunyai Perakuan Amalan Tahunan (*Annual Practising Certificate* - APC) yang sah daripada Majlis Perubatan Malaysia/Majlis Pergigian Malaysia/Lembaga berkaitan;

- (v) bagi Pakar, hendaklah berkhidmat melebihi tiga (3) tahun setelah diwartakan;
- (vi) bagi Pegawai SME, hendaklah berkhidmat di Gred 48 sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau di Gred yang lebih tinggi;
- (vii) diperakukan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan KKM;
- (viii) layak memohon semula selepas 5 tahun dari tarikh akhir ACP yang terdahulu sekiranya pegawai pernah diluluskan ACP sebelum ini;
- (ix) umur pegawai tidak melebihi 56 tahun pada tahun semasa; dan
- (x) ACP hanya boleh dilaksanakan di satu (1) lokasi sahaja dalam tempoh masa kursus tersebut.

** Kelayakan dan syarat ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Latihan KKM dan keadaan ekonomi negara serta peraturan kewangan semasa yang berkuatkuasa.

4. PERMOHONAN DAN KELULUSAN ACP

4.1 Pegawai-Pegawai yang layak dan berminat untuk memohon ACP hendaklah:

- (i) mengisi Borang Permohonan ACP seperti di **Lampiran (A)** dan disertakan dengan kertas cadangan bidang/latihan yang hendak dijalani merangkumi sasaran output, *outcome* serta ekspektasi terhadap perkhidmatannya seperti di **Lampiran (B)** ;
- (ii) keutamaan diberikan kepada pegawai-pegawai kanan yang bermotivasi dan berpotensi tinggi, pernah berkhidmat di kawasan pedalaman, banyak membentangkan kertas kerja, menerbitkan artikel/jurnal di peringkat antarabangsa; dan
- (iii) Borang Permohonan ACP yang lengkap perlu dikemukakan ke Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 2, Bahagian Pengurusan Latihan melalui Ketua Program masing-masing dan diperakui oleh Ketua Pengarah Kesihatan untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Latihan KKM.

5. KEMUDAHAN DAN FAEDAH

- 5.1 Pegawai yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Latihan KKM akan ditanggung sepenuhnya yuran kursus serta dibayar elaun dan kemudahan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP1.10 dan Peraturan Kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa.

6. PENGLIBATAN DALAM PEKERJAAN ATAU AKTIVITI LAIN

- 6.1 Semasa menjalani ACP, seorang Pakar/Pegawai SME adalah masih berada dalam Perkhidmatan Kerajaan Malaysia dan adalah tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa pekerjaan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti untuk mendapat apa-apa keuntungan dari mana-mana punca lain tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Pengawal.

7. LATIHAN SELEPAS KEMBALI BERTUGAS

- 7.1 Pakar/Pegawai SME yang ditawarkan ACP ini dikehendaki mengemukakan laporan seperti di **Lampiran (C)** dan Borang Soal Selidik Kajian Penilaian Keberkesanan Kursus Dalam dan Luar Negara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM/P&P/2013(A)) seperti di **Lampiran (D)** kepada Bahagian Pengurusan Latihan, selewat-lewatnya 1 bulan selepas tamat ACP. Pakar/Pegawai SME juga perlu melaksanakan *echo training* setelah kembali bertugas di jabatan masing-masing.
- 7.2 Program perlu menilai Pakar/Pegawai SME yang ditawarkan ACP tersebut dari segi output dengan mengisi Borang Soal Selidik Kajian Penilaian Keberkesanan Kursus Dalam dan Luar Negara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM/P&P/2013(B)) seperti di **Lampiran (E)** selepas 3 bulan daripada tarikh akhir ACP.

8. CARTA ALIR PELAKSANAAN ACP

- 8.1 Ringkasan pelaksanaan ACP adalah seperti di **Lampiran (F)**

*Disediakan oleh:
Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 2
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Januari 2018*